



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

# The Observer

21.04.2017

## PERKEMBANGAN TERKINI PASARAN MODAL DAN KAWAL SELIA

### **SC BENARKAN JUALAN SINGKAT TERKAWAL BAGI BON KORPORAT UNTUK TINGKATKAN KECAIRAN PASARAN BON**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menguatkuasakan garis panduan baharu untuk membenarkan jualan singkat terkawal bagi bon korporat dalam pasaran modal Malaysia.

Menurut Garis Panduan baharu itu, *Garis Panduan Jualan Singkat Terkawal bagi Bon Korporat* (Garis Panduan), Peniaga Utama kini dibenarkan untuk mengendalikan jualan singkat terkawal bagi bon korporat, seterusnya mengembangkan rangkaian bon yang boleh dijual singkat.

Garis Panduan ini bertujuan memberikan kepastian mengenai pihak yang dibenarkan untuk menjalankan jualan singkat bagi bon korporat dan juga syarat-syarat terbabit. Menyedari kepentingan untuk memastikan kestabilan pasaran, syarat-syarat dan cara pelaksanaan jualan singkat terkawal bon korporat juga telah ditetapkan.

Inisiatif terbaharu ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan SC ke arah meningkatkan kecairan pasaran bon sekunder di samping memastikan adanya rangka kerja kawal selia dan infrastruktur yang komprehensif dan mudah cara. Ini adalah selaras dengan komitmen berterusan SC ke arah mengekalkan pembangunan dan pertumbuhan keseluruhan pasaran bon Malaysia.

Garis Panduan ini berkuat kuasa pada 13 April 2017.

Pautan untuk mengakses Garis Panduan:-

[https://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/guidelines/rss/guideline\\_rss\\_170413.pdf](https://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/guidelines/rss/guideline_rss_170413.pdf)

[Sumber: Siaran media di laman web SC pada 13 April 2017]

## **PELANTIKAN PROKSI**

### **KOMEN MSWG:**

MSWG membangkitkan isu berkaitan garis masa untuk menyerahkan borang proksi atau surat cara kepada syarikat yang memerlukan borang proksi atau surat cara. Dokumen ini perlu diserahkan tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu, selaras dengan peruntukan Seksyen 334(3) Akta Syarikat 2016 yang menyatakan "... dalam hal pengundian, tidak

kurang daripada dua puluh empat jam sebelum masa yang ditetapkan untuk membuat undian,...”. Syarat Penyenaraian juga menyatakan semua Resolusi perlu diundi secara poll.

Oleh kerana peruntukan ini agak kurang jelas, setiausaha syarikat meminta penjelasan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tentang isu ini. Pada 18 April 2017, SSM telah menjelaskan dalam laman web mereka, Seksyen 334(3) Akta Syarikat 2016 merujuk pada dua tempoh masa yang berbeza iaitu:-

- (a) Masa untuk mengadakan mesyuarat atau mesyuarat yang ditangguhkan itu yang merujuk pada masa yang ditetapkan dalam notis mesyuarat iaitu masa mesyuarat itu akan diadakan; dan
- (b) Masa yang ditetapkan untuk undian secara poll yang merujuk pada masa yang ditetapkan oleh Pengerusi mesyuarat itu untuk tujuan undian secara poll.

Peraturan 48 jam ini sah untuk penyerahan borang proksi atau surat cara kehadiran mesyuarat seperti yang dinyatakan dalam notis mesyuarat. Peraturan 24 jam ini hanya boleh digunakan jika Pengerusi memutuskan untuk menangguhkan undian secara poll pada masa dan tarikh akan datang.

Kami berasa lega apabila penjelasan bertulis sudah dikeluarkan dengan segera oleh SSM. Sementara itu, MSWG akan bertemu SSM untuk membincangkan lebih lanjut mengenai tafsiran isu ini selain membincangkan peruntukan lain dalam Akta Syarikat 2016 yang berkaitan syarikat tersenarai awam di Malaysia.

[Sumber: Laman web SSM - Akta Syarikat 2016 - Soalan yang kerap ditanya]

---

### TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 24 - 28 APRIL 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
24.04.17 (Isnin) 10.00 pagi	Box-Pak Malaysia Bhd (AGM)	Box-Pak Malaysia Bhd, Lot 4, Jalan Perusahaan Dua, Batu Caves, Selangor
24.04.17 (Isnin) 10.00 pagi	AFFIN Holdings Bhd (AGM)	The Royal Chulan Kuala Lumpur, 5 Jalan Conlay, KL
24.04.17 (Isnin) 11.00 pagi	Texchem Resources Bhd (AGM)	Jen Hotel, Magazine Road, Penang
25.04.17 (Selasa) 10.00 pagi	Syarikat Takaful Malaysia Bhd (AGM)	Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur
25.04.17 (Selasa) 10.00 pagi	Kian Joo Can Factory Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort Club, Jalan Kelab Tropicana, Petaling Jaya
25.04.17 (Selasa) 02.00 petang	Westports Holdings Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL
26.04.17 (Rabu) 10.00 pagi	Maxis Bhd (AGM)	Connexion @ Nexus, Bangsar South City, No. 7, Jalan Kerinchi, KL
26.04.17 (Rabu) 10.00 pagi	Telekom Malaysia Bhd (AGM)	TM Convention Centre, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, KL
26.04.17 (Rabu) 10.00 pagi	Cahaya Mata Sarawak Bhd (AGM)	Borneo Convention Centre Kuching, The Isthmus, Sejingkat, Kuching, Sarawak
26.04.17 (Rabu) 10.30 pagi	RHB Bank Bhd (AGM)	InterContinental Kuala Lumpur, 165, Jalan Ampang, KL
26.04.17 (Rabu) 10.30 pagi	Petronas Chemicals Group Bhd (AGM)	The Royal Chulan Hotel Kuala Lumpur

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
27.04.17 (Khamis) 10.00 pagi	Nestle (Malaysia) Bhd (AGM)	Hilton Kuala Lumpur
27.04.17 (Khamis) 10.00 pagi	Can-One Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, PJ
27.04.17 (Khamis) 10.00 pagi	Media Prima Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL
28.04.17 (Jumaat) 09.00 pagi	CIMB Group Holdings Bhd (AGM)	Connexion @ Nexus, Bangsar South City, No. 7, Jalan Kerinchi, KL

**Perkara penting untuk diajukan:**

Syarikat	Perkara/Isu Untuk Diajukan
AFFIN Holdings Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah memulakan Program Transformasi Strategik tiga tahun yang dikenali sebagai "AFFINITY". Sila maklumkan perkembangan dan keputusan yang dicapai oleh Kumpulan sejak bermulanya program ini pada 2016. Berapakah jumlah peruntukan perbelanjaan modal untuk program ini? Apakah perubahan strategik utama yang diubah oleh program itu yang membezakan kumpulan perbankan itu untuk bersaing dalam landskap perbankan baru?</p> <p>AFFIN Islamic menyambut ulang tahun ke-10 pada 2016 dengan pencapaian baharu meskipun berhadapan persekitaran yang mencabar dan berdaya saing. Sila kongsi visi dan sasaran Kumpulan bagi perniagaan Islam, selaras dengan pelan strategik tiga tahun serta kedudukan dan kehadiran yang lebih menyerlah di rantau ASEAN/Asia Timur.</p> <p>Sejak pengambilalihan dan rasionalisasi AFFIN Hwang Investment Bank Berhad dan AFFIN Hwang Asset Management Berhad dua tahun lepas, bolehkah Kumpulan kongsi rancangan untuk menaikkan perniagaan AFFIN Hwang Capital ("AHC") ke peringkat seterusnya selaras dengan pelan strategik. Adakah Kumpulan menetapkan apa-apa sasaran minimum untuk AHC? Sila ulas lebih lanjut.</p>
Syarikat Takaful Malaysia Bhd (AGM)	<p>Seperti yang dinyatakan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan ("MDA"), syarikat terus menjadi peneraju dalam perniagaan takaful keluarga dan pengendali takaful am kedua terbesar di negara ini. Walau bagaimanapun perniagaan takaful dalam anak-anak syarikat Indonesia hanya menyumbang kurang 1% kepada jumlah Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat ("PBZT"). Sila kongsi rancangan Syarikat untuk mempertingkatkan operasi, hasil dan keuntungan anak-anak syarikat dan perniagaan Indonesia dalam tempoh 3 tahun akan datang. Apakah cabaran terbesar dalam pasaran ini?</p> <p>Salah satu bidang utama yang berpotensi dalam negara adalah pasaran PKS. Sila kongsi strategi untuk menembusi bidang ini dan keputusan yang dicapai setakat ini. Apakah campuran portfolio yang sesuai dan sasaran yang mahu dicapai oleh Syarikat dalam tempoh 3 tahun akan datang?</p> <p>Going forward into 2017/2018, how does the Company see the growth of both the personal accident takaful and commercial risk takaful business? What are the internal targets and growth figures the company would like to achieve for these business segments?</p>
Westports Holdings Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah mencapai prestasi yang membanggakan dalam tahun kewangan (TK)2016, yang menyaksikan peningkatan dalam operasi dan penunjuk kewangan utama.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, melihat keadaan ekonomi global semasa, adakah Lembaga Pengarah menjangkakan Kumpulan akan dapat mengekalkan prestasi yang baik ini pada masa hadapan?</p>

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/Isu Untuk Diajukan
	<p>Seperti yang dilaporkan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD&amp;A), Kumpulan berhasrat memacu kedudukannya sebagai hab pilihan untuk operasi pengedaran dan perdagangan di Asia Tenggara.</p> <p>Bolehkah Lembaga kongsi tindakan yang sudah diambil untuk mencapai matlamat ini dan apakah tempoh masa yang disasarkan?</p>
Maxis Bhd (AGM)	<p>Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MDA) melaporkan pendapatan prabayar mencatatkan penurunan 3.7% kepada RM4,018 juta berbanding RM4,173 juta pada TK 2015. Sementara itu, pendapatan purata setiap pengguna (ARPU) untuk prabayar telah meningkat kepada RM40 sebulan (TK2015: RM38).</p> <p>Melihat persaingan sengit dalam industri, apakah langkah yang diambil oleh lembaga untuk meningkatkan prestasi segmen prabayar untuk TK2017?</p> <p>Apakah jangkaan Lembaga tentang prestasi segmen Kumpulan bagi TK2017?</p>
RHB Banking Bhd (AGM)	<p>Kumpulan Perbankan ini bercita-cita mencapai prestasi yang meletakkan mereka pada kedudukan 3 Teratas dalam Malaysia dan 8 Teratas dalam ASEAN. Sejak memulakan IGNITE 2017 pada 2014 dan menuju 2020, setakat mana kemajuan yang sudah dicapai oleh kumpulan itu pada sasaran yang ditetapkan dalam tempoh 3 tahun yang lalu untuk menjadi sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan multinasional terkemuka di rantau ini, memandangkan ada kurang empat tahun menuju 2020?</p> <p>Apakah yang dimaksudkan dengan mentransformasi Kumpulan menjadi penyedia perkhidmatan kewangan multinasional dan apakah kepentingannya? Bagaimanakah proses ini menyediakan Kumpulan dengan kelebihan berdaya saing dari aspek segmen pasaran, serta sasaran pelanggan dan perniagaan dalam strategi yang terbit daripada peluang yang berpotensi daripada integrasi Komuniti Ekonomi ASEAN, pada masa hadapan.</p> <p>Adakah ketidaktentuan global dan cabaran geo-politik sejak akhir-akhir ini menjejaskan perkembangan utama IGNITE 2017?</p>
Petronas Chemicals Bhd (AGM)	<p>Kadar penggunaan kilang PCG mengalami trend menaik sejak TK2013, daripada 78% meningkat kepada 96% pada TK2016, melebihi kadar bertaraf dunia sebanyak 85%.</p> <p>Apakah kadar yang boleh dianggap sebagai kadar penggunaan kilang optimum yang membawa kepada ekonomi skala dan pada masa yang sama mengimbangi kuasa permintaan dan penawaran?</p> <p>Bagaimanakah PCG dapat mengurangkan risiko kerosakan loji atau sebarang kejadian yang tidak diingini dengan berkesan, dengan tahap kadar penggunaan kilang yang tinggi?</p> <p>Apakah aktiviti penyelenggaraan yang dirancang bagi TK2017 dan apakah impaknya ke atas kadar penggunaan kilang?</p>
Media Prima Bhd (AGM)	<p>Melihat prospek untuk platform media tradisional yang kekal mencabar pada tahun-tahun akan datang, apakah komen Lembaga mengenai prospek dan kedudukan kewangan Syarikat pada masa hadapan memandangkan sebahagian</p>

**Perkara penting untuk diajukan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/Isu Untuk Diajukan</b>
	<p>besar aliran pendapatan baharu Syarikat masih dalam tempoh gestasi?</p> <p>Nota 3 kepada Penyata Kewangan menunjukkan pendapatan Segmen Media Cetak bagi TK2016 menurun dengan ketara sebanyak 25% berbanding pendapatan yang dicatatkan pada TK2015. Segmen ini mencatatkan kerugian berjumlah RM124 juta pada TK2016.</p> <p>Tinjauan Operasi pada Halaman 28 Laporan Tahunan menunjukkan bilangan pembaca New Straits Times untuk 2015/2016 menurun 19% berbanding 2014/2015 walaupun pembaca akhbar Bahasa Inggeris di Malaysia untuk 2016 meningkat 15% berbanding 2015.</p> <p>Adakah sebarang soal selidik dijalankan untuk mengenal pasti sebab pembaca Malaysia lebih menyukai akhbar selain New Straits Times? Adakah terdapat pertambahan pembaca selepas pelancaran akhbar New Straits Times berwajah baharu pada 1 Januari 2017?</p> <p>Pada tahun ini, Kumpulan menutup dua kilang percetakan di Johor dan Terengganu, sebagai sebahagian daripada strategi Syarikat untuk meningkatkan keuntungan. Adakah segmen ini dijangka pulih pada TK2017?</p>
Can-One Bhd	<p>Di bawah segmen geografi pada halaman 92 Laporan Tahunan 2016, kami mendapati pendapatan Kumpulan dari Asia (tidak termasuk Malaysia) menyusut 3.3% daripada RM199 juta pada TK2015 kepada RM192.5 juta pada TK2016.</p> <p>Apakah yang menyebabkan penurunan dalam sumbangan pendapatan dari Asia dan adakah Kumpulan menjangkakan pasaran Asia bertambah baik pada TK2017?</p> <p>Sila kongsi prestasi Kumpulan berbanding pesaingnya di Asia. Apakah sasaran yang ditetapkan oleh Kumpulan pada masa akan datang?</p> <p>Dari sudut operasi, apakah penambahbaikan lain yang ingin dicapai oleh Kumpulan pada tahun 2017?</p>
Kian Joo Can Factory Bhd	<p>Bahagian Karton mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 10.8% dalam tahun yang dikaji. Walaupun ada peningkatan dalam pendapatan, bahagian ini mengalami penurunan yang ketara dalam keuntungan iaitu kira-kira 95% daripada RM11.7 juta pada TK2015 kepada RM530,000 dalam TK2016.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk menambah baik keuntungan bahagian ini serta menangani cabaran kenaikan kos pelbagai jenis gulungan kertas di Malaysia seperti yang disebut dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD&amp;A)?</p> <p>Jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, struktur pendapatan Bahagian Tin pada 2016 berubah secara drastik dengan penurunan lebih 30% dalam pendapatan daripada pelanggan luar. Namun, pendapatan antara segmen menyaksikan peningkatan yang drastik iaitu melebihi 100%.</p> <p>Apakah yang menyebabkan perubahan drastik dalam struktur pendapatan dan apakah sasaran sumbangan campuran pendapatan untuk Bahagian Tin pada masa</p>

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/Isu Untuk Diajukan
	hadapan?
Box-Pak (Malaysia) Bhd	<p><u>Prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 2016</u></p> <p>Pendapatan Kumpulan menyusut daripada RM9.8 juta pada TK2015 kepada kerugian sebanyak RM0.9 juta pada TK2016 disebabkan oleh peningkatan dalam kos buruh dan bahan mentah, overhed pengeluaran dan pinjaman yang lebih tinggi seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2016.</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah menangani isu di atas untuk meningkatkan pendapatan Kumpulan? Apakah prospek dalam TK2017 dan adakah Lembaga menjangkakan Kumpulan untuk kembali mencatatkan keuntungan dalam TK2017?</p> <p>Apakah yang menyebabkan penurunan ketara dalam pendapatan lain iaitu 62.3%, daripada RM10.6 juta pada TK2015 kepada RM4.0 juta pada TK2016?</p> <p>Seperti yang dinyatakan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD&amp;A) di bawah analisis strategik, persaingan di Vietnam dan Malaysia dijangka masih memperoleh margin keuntungan yang tipis berikutan jumlah pengilang yang tinggi.</p> <p>Oleh itu, apakah rancangan strategik utama untuk bersaing dengan pemain lain dan setakat mana jangkakan margin kekal tipis jika ada pertambahan persaingan dalam pasaran?</p>
Cahaya Mata Sarawak Bhd (AGM)	<p>Dalam tahun yang dikaji, kami mendapati gabungan pendapatan daripada tiga segmen utama Kumpulan iaitu Simen, Bahan Pembinaan dan Perniagaan serta Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan menurun daripada RM1.8 bilion pada 2015 kepada RM1.5 bilion pada 2016. Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan pendapatan tiga segmen utama ini dalam beberapa tahun akan datang?</p> <p>Seperti yang dilaporkan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan di bawah Operasi Kuari, bahagian Perniagaan dan Bahan Pembinaan telah merancang untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dengan memasang barisan pengeluaran kedua di Sibanyis yang dijangka siap pada 2018.</p> <p>Apakah tahap kapasiti yang ingin dicapai oleh bahagian ini tempoh dua tahun akan datang untuk memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat di Sarawak? Apakah bahagian pasaran semasa bahagian ini di Sarawak?</p>

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

**PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
- 

**Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*